

**NO. SOALAN: 47**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN SIM TONG HIM [ KOTA MELAKA ]**

**TARIKH : 29 OKTOBER 2015**

**RUJUKAN : 8236**

**SOALAN:**

**Tuan Sim Tong Him [ Kota Melaka ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan tentang hasil siasatan kepada kedua-dua himpunan pada 29hb dan 30hb Ogos serta 16hb September 2015 :-

(a) jumlah anggota yang telah ditugaskan untuk kedua-dua himpunan ini dan jumlah perbelanjaan terlibat; dan

(b) berapa kes keganasan dan rusuhan telah dilaporkan. Adakah tangkapan telah dibuat dan juga dihadapkan ke mahkamah.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Bagi menjawab soalan (a), selaras dengan penganjuran perhimpunan BERSIH 4 pada 29 dan 30 Ogos 2015 dan Himpunan Rakyat Bersatu pada 16 September 2015, pihak polis telah membuat persiapan rapi bagi mengawal perhimpunan tersebut agar dapat berjalan lancar dan tidak menimbulkan sebarang kekacauan dengan menggerakkan keanggotaannya untuk mengawal situasi perhimpunan tersebut.**

**Bagi Perhimpunan BERSIH 4, pihak polis telah menggerakkan seramai 191 orang pegawai dan 2,419 orang anggota lain-lain pangkat bagi mengawal sepanjang dua (2) hari perhimpunan tersebut. Kos keseluruhan yang digunapakai adalah sebanyak RM 2,737,440.00.**

**Bagi Himpunan Rakyat Bersatu pada 16 September 2015, seramai 263 orang pegawai dan 3,648 orang anggota lain-lain pangkat telah terlibat secara langsung bagi mengawal perhimpunan tersebut dan kos keseluruhan adalah sebanyak RM 4,500,927.50.**

**Bagi kedua-dua penugasan yang terlibat, PDRM telah menggunakan semua elemen di dalam PDRM yang terdiri daripada keanggotaan IPD Dang Wangi, Cawangan Trafik,**

**Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ), Pasukan Gerakan Am (PGA), Pasukan Simpanan Persekutuan (PSP) dan Cawangan K9 JSJ dan lain-lain elemen.**

**Bagi menjawab soalan (b), Polis DiRaja Malaysia (PDRM) telah menjalankan siasatan dengan teliti dan rapi bagi mengenalpasti serta menggunakan segala peruntukan undang-undang yang sedia ada bagi membawa pihak-pihak yang melanggar undang-undang semasa perhimpunan BERSIH 4 pada 29 dan 30 Ogos 2015 dan Himpunan Rakyat Bersatu. Ini adalah bertujuan untuk mendakwa pihak-pihak berkenaan selaras dengan peruntukan Akta Perhimpunan Aman 2012 dan lain-lain peruntukan undang-undang sedia ada.**

**Bagi Perhimpunan BERSIH 4, pihak polis membuka sebanyak 28 kertas siasatan atas pelbagai kesalahan seperti berikut:-**

<b>BIL</b>	<b>KESALAHAN</b>	<b>JUMLAH KES</b>
<b>1</b>	<b>Seksyen 8 Akta Bahan Letupan</b>	<b>2</b>
<b>2</b>	<b>Akta Perhimpunan Aman 2012</b>	<b>15</b>
<b>3</b>	<b>Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984</b>	<b>4</b>
<b>4</b>	<b>Seksyen 5 (1) Ordinan Hiburan</b>	<b>1</b>
<b>5</b>	<b>Akta Hasutan 1948</b>	<b>1</b>
<b>6</b>	<b>Seksyen 124 (c) – Gangguan Ketenteraman</b>	<b>3</b>
<b>7</b>	<b>Seksyen 506 – Ugutan Jenayah</b>	<b>1</b>
<b>8</b>	<b>Seksyen 353 – Mengeluarkan kata-kata kesat kepada penjawat awam</b>	<b>1</b>
<b>JUMLAH BESAR</b>		<b>28</b>

Bagi perhimpunan Himpunan Rakyat Bersatu, pihak polis menerima sebanyak 26 laporan polis dan 15 kertas siasatan (*Investigation Paper - IP*) telah dibuka bersabit kesalahan di bawah pelbagai akta sehingga 17 September 2015.

Pecahan Kes Mengikut Peruntukan Akta seperti berikut:-

BIL	KESALAHAN	JUMLAH IP
1	Seksyen 505B KK – kenyataan yang mendatangkan khianat awam	1
2	Seksyen 147/427 KK – Merusuh dan bencana	1
3	Seksyen 148 KK – merusuh dengan senjata	1
4	Seksyen 143/186 KK – perhimpunan yang menyalahi undang-undang dan menghalang penjawat awam menjalankan tugas	1
5	Seksyen 353 KK – mendatangkan cedera kepada penjawat awam	3
6	Seksyen 15(2) APA 2012 – langgar syarat perhimpunan	1
7	Seksyen 379A – curi motosikal	1
8	Seksyen 4(2) (f) APA 2012 – bawa kanak-kanak semasa dalam perhimpunan	3
9	Seksyen 7(1) ABKSB - memiliki senjata	1
10	Seksyen 380 KK 1958 – curi dalam bangunan	1
11	Seksyen 4(1)(c) Akta Hasutan – kata-kata menghasut	1
<b>JUMLAH BESAR</b>		<b>15</b>

\* KK – Kanun Keseksaan

\*\* APA – Akta Perhimpunan Aman 2012

\*\*\* ABKSB – Akta Bahan Kakisan dan Senjata Berbahaya 1958

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : PUAN TERESA KOK SUH SIM  
[ SEPUTEH ]**

**TARIKH : 29 OKTOBER 2015 (KHAMIS)**

**SOALAN : 48**

**Puan Teresa Kok Suh Sim [ Seputeh ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan perbelanjaan yang digunakan oleh Kerajaan untuk mencari kapal terbang MH370 dan menangani nahas MH17. Sila nyatakan jumlah pampasan yang diberi kepada penumpang dan anggota kabin yang terkorban dalam kedua-dua nahas tersebut.

## JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga bulan Oktober 2015, Kerajaan telah membelanjakan sebanyak **RM231,452,287.00** dalam operasi pencarian pesawat MH370. Walau bagaimanapun, anggaran kos keseluruhan bagi misi pencarian tersebut tidak dapat ditentukan kerana operasi pencarian masih lagi dilaksanakan. Manakala, bagi menangani nahas pesawat MH17, Kerajaan telah membelanjakan sebanyak **RM12,873,961.00**.

Berhubung jumlah pampasan yang telah dibayar kepada waris mangsa nahas penerbangan MH370 dan MH17, jumlah tersebut adalah dinilai berdasarkan *Montreal Convention 1999* dengan pembuktian kerugian (*subject to proof of loss*) yang ditanggung oleh setiap penumpang.

Dalam hubungan ini, MAS telah menawarkan bayaran pampasan pendahuluan (*Advance Compensation Payment (ACP)*) dan Pakej Bantuan Krew (*Crew Assistance Package*) berjumlah USD50,000 sebagai sebahagian daripada bayaran pampasan penuh kepada setiap waris/keluarga penumpang dan anak kapal MH370 dan MH17.

Setakat ini sebanyak 236 orang waris telah menerima bayaran pampasan pendahuluan bagi tragedi MH17 dan 74 orang waris bagi mangsa tragedi MH370. Jumlah pampasan yang diberi kepada orang waris/keluarga penumpang dan anak kapal yang berkorban dalam kedua-dua nahas tersebut adalah sebanyak USD16,600,000.00.